

TRANSFORMASI MKM DALAM MEMBANGUNKAN MODAL INSAN KOPERASI

WAWANCARA BERSAMA

Prof. Madya Dato' Dr. Abd. Rahman

Abd. Razak Shaik

Ketua Pengarah, Maktab Koperasi Malaysia

PENGENALAN

"Ke mana tumpahnya kuah, kalau tidak ke nasi", itulah kata pepatah yang sesuai digambarkan untuk Prof. Madya Dato' Dr. Abd. Rahman bin Abd. Razak Shaik dalam menyambung legasi penglibatan keluarga dalam gerakan koperasi. Inspirasi beliau hadir melalui bonda Allahyarhamah Hajah Zaharah binti Yahya yang merupakan aktivis koperasi di awal tahun 1980an. Allahyarhamah bonda beliau pernah dilantik menjadi Anggota Lembaga Koperasi Sri Intan Berhad, di Teluk Intan suatu masa dulu. Justeru, pelantikan beliau sebagai Ketua Pengarah, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) semenjak 2014 telah memberi banyak kelebihan kepada Prof. Madya Dato' dalam merencanakan hala tuju pendidikan koperasi dan MKM khususnya sebagai satu-satunya institusi pendidikan untuk gerakan koperasi di Malaysia.

Bermula awal tahun 90an, Prof. Madya Dato' pernah menghadiri program latihan anjuran MKM sebagai peserta. Ketika itu, negara sedang mengalami kemerosotan ekonomi dan ramai dalam kalangan graduan lepasan Institut Pengajian Tinggi (IPT) gagal mendapatkan pekerjaan. Hasil dari perbincangan dengan rakan IPT, tercetuslah idea untuk menjalankan perniagaan bersama melalui koperasi, walaupun ketika itu beliau dan beberapa rakan yang lain telah mempunyai perniagaan sendiri. Atas niat ingin membantu rakan setempat yang masih menganggur, Koperasi Siswazah Intan Usaha Bersatu Hilir Perak Berhad

ditubuhkan bertujuan untuk membentuk gabungan tenaga graduan menceburi bidang perniagaan melalui gerakan koperasi.

Menyuburkan amalan jati diri dan falsafah koperasi iaitu bekerja bersama-sama dalam organisasi yang diterajuinya, beliau selaku Ketua Pengarah sering mengungkapkan kedudukan beliau sebagai Ketua Pekerja. Ketokohan dan kepimpinan beliau dalam gerakan koperasi semakin terserlah apabila dilantik menjawat jawatan Pengerusi Tetap ANGKASA Peringkat Kebangsaan dari tahun 2014 hingga kini yang mana beliau sebelum itu juga merupakan Timbalan Pengerusi Tetap ANGKASA Peringkat Kebangsaan dari tahun 2009 sehingga 2014.

Pelan Transformasi dan Pencapaian MKM

Menerajui satu-satunya pusat latihan koperasi di negara ini, Prof. Madya Dato' telah berusaha untuk mentransformasikan MKM agar lebih mampan dan relevan supaya masyarakat sedar akan kepentingan dan peranan MKM yang sebenarnya. Dengan sumber yang sedia ada, Prof. Madya Dato' telah berusaha untuk membawa MKM kepada suatu tingkatan yang lebih baik melalui transformasi berikut:

- i. Latihan dan pendidikan bidang keberhasilan utama ekonomi bagi lima (5) sektor iaitu Pemborongan dan

Peruncitan, Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, Perlindungan dan Asas Tani, Hartanah dan Industri Pembinaan dan Kewangan dan Perbankan yang selari dengan Dasar Koperasi Negara.

- ii. Penstrukturan organisasi MKM Ibu pejabat dan semua zon di seluruh Malaysia.
- iii. Menaik taraf Pusat Pengajian Tinggi MKM kepada Kolej iCOOP (IPTS) melalui anak syarikat MKM iaitu MKM Global Holdings.
- iv. Penjenamaan semula MKM kepada Institut Koperasi Malaysia; dan
- v. Merakytakan latihan MKM melalui Program Lestari Modal Insan Koperasi.

Selain itu, pada 2016, MKM telah berjaya melaksanakan sebanyak 927 buah program dengan pencapaian sebanyak 109% dan seramai 40,663 peserta.

Pendekatan Program Khidmat Nasihat dan Konsultasi MKM turut diperkembangkan dengan peningkatan 10% iaitu 57 buah koperasi yang menerima perkhidmatan khidmat nasihat dari tahun 2015.

Perkhidmatan ini menyasarkan lima (5) bidang utama iaitu pengurusan dan pentadbiran koperasi, perakaunan dan kewangan koperasi, teknologi maklumat dan komunikasi, perniagaan koperasi dan perancangan strategik.

Dalam memberikan perkhidmatan terbaik untuk koperator, keperluan kakitangan turut dipersiapkan serta dipertingkatkan. Program memperkasakan kemahiran kakitangan dilaksanakan seiring dengan visi dan misi MKM. Dengan rendah diri, beliau menyifatkan kejayaan MKM kini adalah hasil sokongan dan kerja berpasukan yang utuh dalam kalangan kakitangan MKM sendiri.

Menyelami hasrat dan impian Prof. Madya Dato' ketika memperkatakan mengenai tumpuan MKM dalam meningkatkan pembangunan modal insan khususnya dalam bidang keberhasilan aktiviti ekonomi koperasi seperti yang digariskan dalam Dasar Koperasi Negara 2011-2020, tiga (3) pendekatan telah diambil iaitu:

A. Menggalakkan koperasi menceburi perniagaan baru bagi meningkatkan pendapatan koperasi.

Melalui program bidang keberhasilan, koperasi boleh meningkatkan kemahiran anggota dalam menjalankan perniagaan yang berasaskan kepada bidang keberhasilan melalui koperasi mereka. Ini membolehkan koperasi mengembangkan aktiviti perniagaan mereka kepada aktiviti-aktiviti yang boleh menjana pendapatan di samping menyahut seruan kerajaan melalui sektor yang telah dikenal pasti.

B. Melahirkan usahawan dalam kalangan anggota koperasi.

Anggota boleh menyertai aktiviti perniagaan koperasi dalam sektor yang terpilih dengan menjadi usahawan kepada koperasi. Antara contoh aktiviti yang boleh diceburi oleh anggota melalui koperasi adalah seperti homestay ataupun pengusahaan madu kelulut yang mana anggota boleh bekerjasama menjadi pembekal kepada koperasi. Ini adalah berdasarkan pemerhatian Prof. Madya Dato' terhadap kejayaan koperasi di luar negara seperti Koperasi Penternakan Lembu di India, Koperasi Pekerja di Mondragon, Koperasi Pertanian di Jepun dan lain-lain lagi.

C. Program Skim Latihan Kerjaya Koperasi

Bagi melengkapkan keperluan modal insan profesional dalam gerakan koperasi terutamanya kluster sederhana, kecil dan mikro, Prof. Madya Dato' telah memperkenalkan Skim Latihan Kerjaya Koperasi (SLKK) dalam kalangan graduan MKM dari Diploma Pengurusan Perniagaan (Koperasi) dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Koperasi). Para graduan ini akan berkhidmat di koperasi selama enam (6) hingga sembilan (9) bulan selepas bergraduasi.

Lestari Modal Insan Koperasi dan Pembangunan Komuniti

Tahun 2017 ini juga, Prof. Madya Dato' telah memperkenalkan Program Lestari Modal Insan Koperasi (LMIK) bertujuan untuk mendekatkan pemimpin tempatan dengan koperasi. Program ini dilihat mampu menarik perhatian dan komitmen pemimpin tempatan bersama-sama menaikkan martabat koperasi di kawasan masing-masing. Antara kejayaan program LMIK ini adalah ketika penganjurannya di Parlimen Pensiangan, Sabah. Kelebihan berkoperasi telah memberi cetusan idea kepada Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menubuhkan Koperasi Rukun Tetangga di kawasanya dan seluruh negara.

LMIK merapatkan peranan antara MKM, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), ANGKASA dan KPDNKK. Program ini menjadi antara medium terbaik untuk menyalurkan maklumat terkini secara terus kepada koperator dan masyarakat umumnya. Sehingga November 2017, LMIK telah berjaya dilaksanakan di 62 buah kawasan Parlimen dengan penyertaan seramai 11,200 peserta. Ini merupakan satu kejayaan buat MKM dalam menyebarkan maklumat mengenai koperasi. InsyaAllah, program ini akan diperluaskan lagi ke kawasan parlimen lain untuk tahun 2018.

Konsep koperasi banyak menekankan kepada pembangunan sosio ekonomi masyarakat, kerana itu Prof. Madya Dato' telah menubuhkan Pusat Pembangunan Komuniti (PPK) bagi merancang dan melaksanakan program latihan koperasi untuk komuniti yang terdiri dari golongan wanita, belia, kariah masjid dan rukun tetangga. Malahan melalui program inilah MKM dapat bekerjasama dengan pelbagai agensi dan kementerian dalam menjayakan aspirasi negara untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti dan masyarakat.



Program Lestari Modal Insan Koperasi anjuran Maktab Koperasi Malaysia

Pembangunan Modal Insan Gerakan Koperasi

Walaupun masih ada segolongan masyarakat menyangka bahawa MKM ini terletak di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), hakikatnya MKM mempunyai kekuatan tersendiri apabila diletakkan di bawah KPDNKK. MKM mempunyai kelebihan dalam menggembeng kepakaran dan tenaga kerja untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat secara langsung serta secara amali berbanding institusi pengajian tinggi lain. Oleh itu, MKM banyak membantu KPDNKK dan SKM dalam membangunkan keupayaan modal insan gerakan koperasi serta menyalurkan maklumat mengenai hak dan tanggungjawab pengguna.

Longgokan bahan penerbitan koperasi, kertas penyelidikan dan tesis termasuk dapatan penyelidikan dan konsultasi menjadikan MKM sebagai pusat rujukan ilmiah dan perkongsian ilmu. Justeru, MKM sentiasa menjadi tempat rujukan kepada koperasi, universiti awam dan swasta berkaitan bidang kebitaraan koperasi.

Beliau juga melihat peranan MKM cukup besar dan berupaya dalam mewar-warkan segala aspirasi kerajaan melalui program-program yang dijalankan seperti Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang mana melibatkan penglibatan belia dan golongan muda terutama golongan siswa dalam melakar masa depan negara. Ketika ini juga, MKM menekankan kepada pelaksanaan perjanjian dalam Matlamat Pembangunan Mampan

(SDG). SDG dilihat berintegrasi dengan Rancangan Malaysia Ke-sebelas (RMK11) yang menekankan bidang pendidikan yang merupakan antara tujuh belas (17) matlamatnya sebagai pemacu negara untuk maju ke hadapan serta mengakhiri segala bentuk kemiskinan.

Harapan dan Perancangan 2018

Menyentuh mengenai perancangan MKM untuk tahun 2018, Prof. Madya Dato' berharap MKM dapat dijenamakan semula sekiranya pindaan ke atas Akta MKM diluluskan. Selain itu, program LMIK yang merupakan program adaptasi dari program promosi MKM dapat diteruskan dengan mengadakan hubungan yang lebih erat di antara pemimpin kawasan terbabit serta dijadikan sebagai salah satu saluran oleh kerajaan untuk membantu dan memberi kemudahan serta insentif kepada rakyat melalui koperasi.

Beliau turut berharap usaha MKM untuk menjadi Pusat Bertauliah dengan memperkenalkan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) dalam Pengurusan Koperasi melalui program Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) menjadi kenyataan. DLKM ini akan memberi pengiktirafan tahap profesional kepada individu yang menyertai kursus MKM serta pengalaman berkoperasi. Melalui Kolej iCoop pula, MKM akan memperkasakan program Diploma Pengurusan Koperasi. Di samping penambahan program-program baharu seperti Diploma Keusahawanan Koperasi, Diploma Perakaunan Koperasi dan



Diploma Kewangan Islam.

Perasmian Kampus Baharu Kolej iCOOP
di Damansara Damai oleh YB Dato' Seri

Di peringkat antarabangsa pula, MKM akan bekerjasama dengan Institute Management of Australia yang telah menyediakan program pengurusan koperasi di peringkat global khas untuk golongan eksekutif koperasi. MKM juga sejak 2016 telah bekerjasama dengan Cooperative College United Kingdom di Manchester dalam melaksanakan program Cooperative Governance for Board Members iaitu program khas kepada Anggota Lembaga dan



Hamzah Zainudin
Prof. Madya Dato' bersama para graduan



Pengurusan Kanan Koperasi kluster besar.

Bersama peserta Program Kerjasama Technical Malaysia (MTCP) Certificate in Cooperative Management



Wawancara Prof. Madya Dato' bersama RTM dalam Pertandingan Bowling Warga Kerja MKM Sempena Sambutan 61 Tahun MKM.

& Governance pada 14-15 Ogos 2017.

Dalam memenuhi hasrat kerajaan, MKM akan membantu pihak SKM dalam keupayaan modal insan mengikut Tier sebagaimana saranan YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Menteri KPDNKK bagi mudah mengenal pasti status mampan dan kemajuan koperasi.

Mengakhiri sesi wawancara ini, Prof. Madya Dato' Dr. Abd. Rahman bin Abd. Razak Shaik mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua kakitangan MKM atas komitmen dan sokongan yang diberikan sepanjang beliau berkhidmat sebagai Ketua Pengarah MKM. Begitu juga kepada Ahli Lembaga Pengarah MKM yang dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Datuk Mohd. Yusof bin Kasim serta Pengurusan Tertinggi KPDNKK dalam menjayakan transformasi MKM.

Perasmian Penutup Kursus Penubuhan dan Pengukuhan Koperasi Rukun Tetangga oleh YB Tan Sri Datuk Panglima Joseph Kurup



Wawancara Siaran Redaksi Koop bersama Prof. Madya Dato'